

Pindah balak haram

Pemilik lori kejar upah lumayan sanggup tanggung risiko bawa kayu tanpa lesen

>>Oleh Mohd Rafi Mamat

am@hmetro.com.my

KUANTAN: Kerana mahukan upah lumayan antara RM500 hingga RM2,000 bagi sekali perjalanan, ramai pemilik lori berani menerima tempahan memindahkan balak tanpa lesen walaupun mereka sedar akibatnya jika ditangkap.

Dalam tempoh empat bulan pertama tahun ini, lapan kes membabitkan lori tiga hingga 20 tan ditahan Unit Penguat kuasa Jabatan Perhutanan Negeri Pahang selepas didapati memindahkan balak tanpa lesen.

Pengarahnya, Datuk Mohd Paiz Kamaruzaman berkata, siasatan mendapati 60 peratus pemilik termasuk pemandu lori tahu perbuatan mereka membawa keluar balak tanpa dokumen sah salah, tetapi upah yang lumayan membuatkan mereka gelap mata.

Bagaimanapun, katanya, ada pemilik lori tidak mengetahui apa yang dilakukan



TAHAN...lori yang digunakan untuk memindahkan balak tanpa lesen.

itu menyalahi undang-undang dan terpengaruh dengan dakwaan sindiket menebang balak mereka memiliki lesen memindahkan kayu terbabit.

Katanya, pelbagai helah digunakan sindiket memindahkan tanpa lesen bertujuan menarik minat pemilik

lori menerima tawaran mereka, antaranya seperti upah lumayan termasuk menyediakan tonto untuk mengelak laluan sering disekat pihak berkuasa.

“Saya menasihatkan pemilik lori supaya tidak mudah menerima tawaran memindahkan balak termasuk yang

bergaji tanpa lesen bagi memastikan kenderaan mereka tidak disita sekiranya dikesan unit penguat kuasa.

“Untuk mengelak terjebak aktiviti salah itu, pemilik lori termasuk pemandu terlebih dulu perlu memastikan penyewa mempunyai dokumen pemindahan balak di-

keluarkan jabatan perhutanan,” katanya.

Beliau berkata, siasatan sebelum ini mendapati sewa dikenakan bagi perjalanan dari Chini ke Kuantan ditetapkan antara RM500 hingga RM1,000 bergantung kepada berat kayu dibawa manakala dari Chini ke sempadan Negeri Sembilan pula RM1,000 hingga RM2,000.

Mohd Paiz berkata, pihaknya tidak akan berkompromi dengan mana-mana individu bersekongkol dengan aktiviti membawa keluar balak tanpa lesen di negeri ini.

“Tindakan tegas mengikut Akta Perhutanan Negara (APN) 1984 akan dikenakan kepada mana-mana pihak yang melakukan kesalahan sama ada mereka mengetahui atau sebaliknya.

“Lori termasuk jentera digunakan untuk aktiviti menyalahi undang-undang akan disita, dengan cara itu diharap dapat memberi kesedaran kepada mereka terbabit supaya lebih berhati-hati,” katanya.